



IGB REIT tawar IPO RM1.25 sesaham

Oleh Mahanum Abdul Aziz

2012/08/08

IGB Real Estate Investment Trust (IGB REIT) menetapkan harga runcit tawaran awam permulaan (IPO) sempena penyenaraianya di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada RM1.25 sesaham.

Berdasarkan harga itu, IGB REIT akan mempunyai permodalan pasaran RM4.25 bilion apabila disenaraikan kelak, sekali gus menjadikannya dana harta tanah terbesar di Malaysia selepas Pavilion Real Estate Investment Trust (Pavilion REIT).

IPO dana harta tanah yang akan menjana RM830 juta itu juga adalah keempat terbesar di Asia Tenggara tahun ini selepas cadangan penyenaraian Astro All Asia Network Plc.

Mengikut draf prospektus IPO yang dikemukakan kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia semalam, IGB REIT akan menawarkan 670 juta unitnya mewakili 19.7 peratus jumlah unit terbitannya.

Daripada jumlah itu, 469 juta adalah untuk langganan pelabur Malaysia, asing dan pelabur terpilih, manakala 201 juta lagi akan ditawarkan kepada orang awam; pengarah dan pekerja IGB REIT Sdn Bhd, IGB Corporation Bhd dan anak syarikatnya yang layak; serta pemegang saham IGB Corporation yang layak.

Mengikut draf prospektus itu, harga institusi IPO itu akan ditetapkan pada 4 September selepas selesainya proses bidaan yang akan bermula 28 Ogos ini.

Dalam draf prospektus itu, IGB REIT berkata, portfolio harta tanah permulaannya adalah Mid Valley Megamall serta The Gardens Mall dan aset berkaitan.

Ia berkata, nilai pasaran portfolio harta tanah permulaannya itu setakat 10 April lalu adalah berjumlah RM4.6 bilion, sekali gus menjadikannya REIT yang mempunyai nilai pasaran portfolio permulaan terbesar di Malaysia apabila disenaraikan.

Dana harta tanah itu berkata, penyenaraianya itu bertujuan meningkatkan kecairan serta meraih dana bagi pembelian harta tanah baru pada masa depan.

IGB REIT, anak syarikat milik IGB Corporation melantik CIMB Investment Bank dan Hong Leong Investment Bank sebagai penasihat utama bersama dan pengurus penaja jamin bersama bagi IPO itu.

Hak Cipta Terpelihara Berita Harian 2012 [Emel](#) kami untuk sebarang maklum balas.